

## Perusahaan petro-kimia

# Asean alukan Singapura jadi pusat: Mahathir



DR. MAHATHIR

DATUK Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan, ASEAN merestui langkah menjadikan Singapura sebagai pusat industri petrokimia kerana perbatasan itu membenarkan persaingan dan usaha kerjasama di bidang perusahaan.

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian, berkata ASEAN akan merestui sebarang perusahaan oleh mana-mana negara anggotanya sungguhpun lokasinya mungkin tidak berapa sesuai.

## SINGAPURA, Khamis

"Jika Singapura ingin menjadi sebuah pusat bagi industri petrokimia, tidak ada siapa yang akan menghalangnya. Sebaliknya, ASEAN akan merestui sebarang perusahaan yang dijalankan oleh mana-mana negara anggotanya kerana ia membenarkan persaingan dan usaha kerjasama di bidang industri.

"ASEAN bukan merupakan satu pasaran bersama. Bagaimanapun, kami menyedari pelabur asing mensifatkan ASEAN sebagai satu entiti ekonomi, pasaran

mengandungi 250 juta pengguna," katanya.

Berucap di upacara pembukaan perisai mengenai 'Pelaburan ASEAN Dalam Tahun Lapan Puluh' di sini semalam, beliau berpendapat anggapan bahawa Kesatuan Ekonomi Eropah (EEC) merupakan satu model adalah tidak tepat.

"Tujuan EEC bukannya untuk mencipta kemajuan di bidang industri melalui pasaran bersama di kalangan negara anggotanya tetapi ingin mengawal ekonomi dunia. Harga keluaran kilang dikaji setiap tahun dalam usahanya untuk menyalngi perusahaan lain-lain negara

Eropah.

Langkah pragmatisma ASEAN menyebabkan persatuan ini memilih industri berasaskan sumber alam seperti petrokimia, industri asas, industri berat, pengilangan jentera dan lain-lain," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir mengakui langkah ASEAN itu mungkin 'berbunyi teralua berat' dan boleh mengancam negara-negara maju di dunia.

Beliau menambah negara-negara ASEAN menghadapi persaingan yang meningkat untuk mendapatkan modal dan teknologi asing dan ia mesti mempunyai kelebihan bagi menarik pelaburan asing.

## Pergolakan

Selain dari kepastian Kerajaan negara anggota ASEAN, katanya persatuan itu juga telah muncul sebagai rantau yang semakin stabil dan berkembang maju sekalipun berlaku pengunduran Amerika dan pergolakan di Indo-China.

Mengenai pergolakan politik di Indo-China, beliau menjelaskan serangan menyeluruh ke atas rantau ASEAN tidak mungkin berlaku sungguhpun terdapat penceroohan di Kampuchea dan peristiwa-peristiwa di sempadan Thai-Kampuchea.

Menurutnya, langkah seumpama itu akan membawa kepada penglibatan kuasa-kuasa besar, mungkin secara meluas.

"Jika ini berlaku, tidak kira sama ada para pelabur akan melabur modal di negara anggota ASEAN ataupun di mana sahaja, mereka tetap akan kerugian," ujarnya.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia